



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
5 September 2023

### **MSAM PNB TERUS MENINGKATKAN KOMUNITI DAN MEMBERI IMPAK MELALUI INISIATIF LITERASI KEWANGAN**

*Buat pertama kalinya, acara tersebut akan dianjurkan secara fizikal dan maya, untuk meluaskan jangkauannya kepada rakyat Malaysia di seluruh negara*

**KUALA LUMPUR, 5 September 2023** – Selari dengan objektifnya untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), kali ini di Bertam, Pulau Pinang, dari 30 September hingga 8 Oktober 2023.

Jelas dengan mandatnya untuk mempertingkatkan kehidupan seluruh rakyat Malaysia demi kemakmuran negara, acara perdana itu juga merupakan tumpuan teras Sosial Rangka Kerja Kelestarian PNB – untuk meneruskan komitmennya ke arah membiayai pendidikan, peningkatan komuniti, literasi kewangan dan inisiatif perkongsian pengetahuan.

Ahmad Zulqarnain Onn, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, “MSAM diteruskan sebagai agenda tahunan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2000. Bertemakan **“Bijak Melabur, Santai Berhibur”**, selaras dengan aspirasi PNB untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, buat pertama kalinya MSAM 2023 akan dianjurkan secara hibrid. Pengunjung boleh melawat gerai pameran di Bertam dan juga menikmati kandungan digital secara langsung melalui halaman Facebook MSAM (<https://www.facebook.com/MingguSahamAmanahMalaysia>) dan halaman YouTube (<https://www.youtube.com/@MingguSahamAmanahMalaysia>).”

“Elemen-elemen STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) akan diterapkan ke dalam kandungan pameran dan pelbagai aktiviti. Matlamat kami adalah bagi memberi inspirasi kepada golongan muda untuk mengejar ilmu pengetahuan dan pendidikan yang lebih tinggi, yang kita

semua ketahui dapat membawa perubahan besar dalam kehidupan kebanyakan keluarga. Kami berharap para pengunjung dan penonton akan mendapat inspirasi, dan pulang dengan pengetahuan dan pembelajaran baharu apabila meninggalkan acara ini," tambah beliau.

PNB mengumumkan rakan korporatnya untuk MSAM 2023 semasa Majlis Jalinan Rakan Korporat MSAM 2023 yang berlangsung hari ini di Menara PNB. Ahmad Zulqarnain menyatakan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan penglibatan Rakan Korporat MSAM 2023 yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan penganjuran acara ini.

Rakan Korporat MSAM 2023 terdiri daripada: -

#### Kategori Rakan Premier

- S P Setia Berhad
- Malayan Banking Berhad (Maybank)
- Sime Darby Plantation Berhad
- UMW Holdings Berhad

#### Kategori Rakan Utama

- Sime Darby Berhad
- Sime Darby Property Berhad
- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua)
- MNRB Holdings Berhad
- Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

#### Kategori Rakan

- Duopharma Biotech Berhad
- Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas)

Selain acara MSAM, program literasi kewangan lain oleh PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang akan berlangsung semasa MSAM ialah: -

- Sembang-Sembang ASNB - kerjasama ASNB dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta, universiti, kolej, dan institut pendidikan guru untuk mendidik pekerja dan pelajar tentang perancangan kewangan.
- Kuiz Pelaburan PNB - pertandingan kuiz mengenai konsep utama yang berkaitan dengan

pelaburan, ekonomi, perancangan kewangan, amanah saham dan risiko & pulangan dalam pelaburan, yang melibatkan kategori peserta yang berbeza.

- Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) - sebuah kelab kokurikulum di 155 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia untuk meningkatkan pengetahuan literasi kewangan dan menanam tabiat menyimpan yang baik dalam kalangan pelajar.
- Fiesta Labur PNB @ Home - program tahunan untuk berkongsi maklumat mengenai produk dan perkhidmatan ASNB serta meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai literasi kewangan.
- Ramah Mesra ASNB - Program yang membolehkan ASNB berinteraksi dengan masyarakat sambil mempromosikan kandungan nasihat kewangan dan perkhidmatan ASNB.

MSAM 2023 menyediakan pelbagai aktiviti pendidikan pelaburan dan pameran yang disertai kira-kira 50 pempamer terdiri daripada syarikat-syarikat Kumpulan PNB, ejen ASNB, badan kawal selia dan agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, MSAM 2023 akan menawarkan pengunjung pelbagai hadiah menarik bernilai hampir RM1.4 juta. Antara hadiah utama ialah: -

<b>Hadiah</b>	<b>Penaja</b>
Rumah Teres Setingkat di Setia Fontaines, Pulau Pinang	S P Setia
BYD Atto 3 Standard Range	Sime Darby
Toyota Vios 1.5G AT	UMW
Perodua Axia 1.0L AV	Perodua
Yamaha MT25	MIDF
Apple iPhone 14 Pro Max	Sime Darby Property

Tahun ini, MSAM 2023 menyasarkan 150,000 pengunjung dari seluruh Pulau Pinang dan negeri-negeri berhampirannya iaitu Kedah, Perlis dan Perak.

- TAMAT -

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**